



## TUAN HAJI MOHD SAAD DIN PENDAFTAR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Oleh : Mohd Basri Basir

**1** Kita maklum bahawa di setiap universiti atau mana-mana organisasi, Jabatan Pendaftar atau Jabatan Sumber Manusia adalah kekuatan ataupun 'tulang belakang' bagi sesebuah organisasi itu. Sebagai Pendaftar baharu yang dilantik untuk menerajui Jabatan Pendaftar Universiti Malaysia Perlis bermula 1 April 2019 lalu, bolehkah Tuan Pendaftar berkongsi pandangan Tuan mengenai Jabatan Pendaftar UniMAP?

Pertama sekali saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pengurusan tertinggi universiti di atas kepercayaan yang diberikan dalam pelantikan saya sebagai Pendaftar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang keempat.

Saya dan UniMAP bukannya asing. Boleh dikatakan saya bersama dengan universiti ini secara tidak langsung sejak penubuhannya pada tahun 2001. Semasa berkhidmat dengan USM, saya sering dijemput selaku penceramah dalam kursus atau bengkel anjuran UniMAP dan sering juga dihubungi oleh para pegawai dalam mendapatkan khidmat nasihat berkaitan hal ehwal pentadbiran dan sumber manusia.

Saya melihat Jabatan Pendaftar berkembang seiring dengan peranan besarnya sebagai nadi pentadbiran Universiti. Namun pelbagai aspek masih boleh ditambahbaik demi kelangsungan fungsinya di universiti ini.

Bagi meningkatkan keberkesanan fungsi dan sistem penyampaian perkhidmatan, InsyaAllah, dalam masa terdekat penstrukturan semula Jabatan Pendaftar akan dilaksanakan bertujuan untuk

penyelarasan fungsi dan proses kerja sedia ada agar sumber dan kemudahan yang disediakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dengan lebih cekap dan berkesan.

**2** Jabatan Pendaftar selalunya dikaitkan dengan pengambilan staf dan kemasukan pelajar. Boleh Tuan kongsi fungsi sebenar Jabatan Pendaftar dan pembahagian unit-unit kecil di dalamnya.

Jabatan Pendaftar diwujudkan selaras dengan penubuhan Universiti Malaysia Perlis (dahulunya Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia) pada 25 Julai 2001 bagi tujuan menerajui pengurusan dan pentadbiran utama universiti

Jabatan ini terdiri daripada tiga Bahagian iaitu:-

### a) Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia

Bertanggungjawab melaksanakan tadbir urus universiti dalam memberi perkhidmatan kepada staf merangkumi aspek pelantikan, penamatan, kebajikan, penganugerahan, pergerakan gaji, pengesahan dan persaraan dalam perkhidmatan. Bahagian ini juga mengendalikan urusan keurusetiaan Lembaga Pengarah Universiti dan Majlis Bersama Jabatan. Selain itu juga, Bahagian ini turut menguruskan pentadbiran am dan hal ehwal kewangan jabatan. Bahagian ini mengandungi tiga unit dibawahnya iaitu:

- i. Unit Perjawatan;
- ii. Unit Governan dan Pentadbiran;
- iii. Unit Perkhidmatan

### b) Bahagian Pembangunan Modal Insan

Bertanggungjawab melaksanakan perkhidmatan mengurus latihan dalam perkhidmatan dan program pembelajaran sepanjang hayat bagi tujuan meningkatkan pengetahuan, kualiti kerja, kemahiran dan kecekapan staf berteraskan kompetensi dan pembelajaran berterusan. Bahagian ini mengandungi dua unit dibawahnya iaitu :

- i. Unit Latihan dan Kompetensi;
- ii. Unit Cuti Belajar

### c) Bahagian Pengurusan Akademik (BPA)

Melaksanakan fungsi berorientasikan perkhidmatan dan bertanggungjawab mengendalikan hal ehwal pelajar prasiswazah meliputi urusan kemasukan dan rekod pelajar, serta urusan peperiksaan dan pengijazahan. Selain itu, Bahagian ini juga mengendalikan urusan keurusetiaan Senat Universiti.

Unit-unit di bawah Bahagian ini adalah :

- i. Unit Kemasukan dan Rekod Pelajar;
- ii. Unit Peperiksaan dan Pengijazahan;
- iii. Unit Senat

**3** Apakah kemudahan – kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Pendaftar kepada para pelajar dan kakitangan UniMAP?

Jabatan Pendaftar boleh saya anggap sebagai 'titik mula' dan 'titik akhir' dalam kerjaya seseorang staf. Begitu juga kepada pelajar. Di jabatan inilah bermulanya hari pertama staf dan pelajar melapor diri sebagai warga UniMAP dan jabatan ini jugalah yang akan menguruskan persaraan staf dan urusan tamat pengajian pelajar.





Jabatan Pendaftar juga merupakan pusat pentadbiran yang menguruskan pemakluman sebarang pekeliling atau surat pekeliling berkaitan dasar dan peraturan bagi hal ehwal pengurusan dan pentadbiran setelah diperakukan oleh Lembaga Pengarah Universiti.

Bagi pengurusan sumber manusia, Jabatan Pendaftar menguruskan pelantikan dan penempatan staf, penetapan mata gaji, elaun dan saraan, penyelarasan kemudahan perubatan dan klinik panel serta pengurusan persaraan, manakala pembangunan sumber manusia pula memfokus kepada penyelarasan latihan dan pembelajaran sepanjang hayat kepada staf akademik dan bukan akademik.

Dari aspek perkhidmatan kepada pelajar, Bahagian Pengurusan Akademik menguruskan kemasukan dan pendaftaran diri para pelajar, menyelaraskan peperiksaan akhir bagi setiap semester dan menguruskan proses tamat pengajian dan urusan konvokesyen.

**4** Walaupun baru dilantik, khabarnya Tuan Pendaftar telah merancang beberapa penambahbaikan untuk memantapkan pengurusan Jabatan Pendaftar, kongsi bersama kami di MyUniMAP.

Kumpulan pentadbir merupakan kumpulan yang tidak dapat dinafikan sumbangan dan peranan mereka dalam menggerakkan hala tuju sesebuah universiti. Justeru, dalam tempoh ini, saya berhasrat memperkasakan lagi peranan pentadbir dalam hal ehwal pentadbiran dan pengurusan sumber manusia.

Bagi menggilap bakat dan keupayaan pentadbir, pelan penggantian akan dimurnikan sebagai kaedah strategik dalam meletakkan seseorang pentadbir sesuai dengan bakat dan keupayaannya atau boleh diungkapkan sebagai 'the right person for the right job'. Sistem penggiliran kerja juga akan dilihat semula bagi memastikan seseorang pentadbir yang bakal dinaikkan ke jawatan yang lebih tinggi mempunyai pemahaman yang menyeluruh dalam operasi-operasi asas di universiti ini. Program sangkutan akan turut diperkenalkan bagi memberi pendedahan kepada seseorang pentadbir tanpa mengganggu laluan kerjaya asalnya. Misalnya, sangkutan selama tiga hingga enam bulan di jabatan lain yang memberi peluang kepada pegawai berkenaan untuk menggunakan kemahiran, minat dan bakatnya secara optimum.

Naziran perjawatan dan kajian semula kesesuaian skim perkhidmatan di sesuatu Pusat Tanggungjawab akan dilaksanakan supaya penyelarasan nisbah staf dapat disuapadankan dengan waran perjawatan yang dibekalkan. Seiring dengan naziran tersebut, fungsi utama Pusat Tanggungjawab juga akan dilihat semula dan sekiranya perlu, penstrukturan semula Pusat Tanggungjawab akan dilaksanakan.

Selaras dengan pengenalan MyPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 4 Tahun 2018, penyelarasan semula deskripsi tugas sesuatu jawatan akan dilaksanakan bagi disesuaikan dengan kerangka MyPortfolio. MyPortfolio adalah satu kaedah pengurusan ilmu yang memberikan penekanan kepada pengupayaan minda setiap penjawat awam dalam kerangka organisasi berpembelajaran (learning organisation). Selain sebagai dokumen rujukan rasmi yang menghuraikan maklumat pewujudan jawatan, proses kerja dan panduan menjalankan tugas bagi jawatan tersebut dalam sesebuah organisasi juga dinyatakan dalam myPortfolio.

Dalam mengharungi perubahan budaya organisasi, perkembangan teknologi dan faktor lain yang memberi kesan kepada pengurusan dan pentadbiran, perancangan latihan perlu diperkukuhkan. Saya berhasrat untuk melaksanakan program latihan yang terancang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan. Selain program latihan, garis panduan cuti belajar bagi staf pentadbiran juga akan dimurnikan bagi memberi lebih peluang kepada staf untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kerjanya. Pengalaman serta tahap pendidikan mereka apabila digabungkan kelak, diharap boleh memantapkan lagi pengurusan dan pelaksanaan kerja pada masa depan.

Dalam mendepani cabaran Industri 4.0 atau Revolusi Perindustrian Keempat, organisasi hari ini tidak terkecuali dalam melaksanakan perubahan kaedah pengurusan bagi membantu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasinya. Adalah menjadi

sebahagian harapan saya agar sistem IUS-HRM sedia ada di Jabatan Pendaftar dapat ditambahbaik dan pembangunan satu sistem maklumat bersepadu (integrated systems) dapat disediakan yang membolehkan semua rangkaian maklumat yang saling berkaitan diakses secara berpusat oleh semua pengguna yang berkenaan. Selain itu, seiring dengan hasrat Universiti ke arah kampus lestari, saya bercadang untuk mengubah penggunaan borang-borang kepada pengisian secara atas talian.

Aspek kebajikan staf turut menjadi fokus utama saya. Saya akan memajukan cadangan kepada pihak universiti untuk pengwujudan tabung kebajikan staf yang berkonsepkan warga prihatin iaitu tabung yang mengumpulkan dana melalui sumbangan staf bagi membantu meringankan kesulitan yang dipikul oleh staf lain yang mengalami kematian (termasuk suami/isteri/anak), kemalangan akibat bencana alam, kebakaran, kecacatan serta bantuan pendidikan.

**5** Saya pasti setiap kali bermulanya satu tahun yang baru, setiap unit dan jabatan di UniMAP akan merangka aktiviti-aktiviti yang mengisi jadual pergerakan tahunannya. Jadi, apakah aktiviti-aktiviti yang dirangka oleh Jabatan Pendaftar sepanjang tahun.

Seiring dengan hasrat perlaksanaan naziran perjawatan dan kajian semula fungsi utama Pusat Tanggungjawab, saya bersama-sama pegawai berkenaan telah menjalankan sesi jerayawara iaitu pertemuan dengan pengurusan Pusat Tanggungjawab untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan.

Dalam mendidik warga UniMAP agar lebih berketrampilan dan kemas, saya bermula dengan penguatkuasaan pemakaian tanda nama Pemantapan pemakaian imej korporat lain akan dilaksanakan secara berperingkat kerana cara berpakaian melambangkan keperibadian penjawat awam serta nilai-nilai dan etika kerja yang murni.





Jabatan Pendaftar juga melaksanakan Hari Bersama Pelanggan yang dicadangkan di beberapa lokasi pada tahun ini. Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada staf untuk mendapatkan maklumat berkaitan pentadbiran selain memberi peluang kepada staf memberikan maklumbalas serta mengemukakan cadangan mengenai mutu perkhidmatan Jabatan Pendaftar.

Selain itu, saya akan mewujudkan taskforce untuk kajian semula beberapa aspek pentadbiran merangkumi:

- a) Kajian semula stuktur organisasi Universiti dan pusat Tanggungjawab;
- b) proses kenaikan pangkat;
- c) peluang cuti belajar staf pentadbiran;
- d) semakan semula deskripsi tugas;
- e) semakan semula waran perjawatan.

**6** Umum mengetahui apabila adanya permasalahan dalam perkhidmatan seperti status lantikan, masalah disiplin dan sebagainya, Jabatan Pendaftar akan menjadi tempat tumpuan pertanyaan dan juga rujukan. Melihat senario sebegini, apakah langkah yang akan diambil oleh pihak Pendaftar dalam menangani isu seumpama ini.

Staf UniMAP boleh saya anggap masih muda dan segelintirnya kurang pemahaman tentang dasar dan peraturan yang diterima pakai oleh universiti serta kurang peka dengan isu-isu semasa yang dibincangkan di peringkat nasional.

Sektor perkhidmatan awam sekarang sedang ke arah kawalan saiz perkhidmatan awam untuk memastikan penggunaan tenaga kerja optimum melalui pelaksanaan multi-tasking dan multi-skilling serta penempatan semula (redeployment) atau tukar ganti jawatan (trade-off) sedia ada. Fasa awal melibatkan semakan 279 skim perkhidmatan yang melibatkan penggubalan skim perkhidmatan yang baharu, penambahbaikan skim perkhidmatan sedia ada dan penjumlahan skim perkhidmatan yang tidak relevan. UniMAP turut terkesan dengan perkara ini. Namun pihak Universiti tidaklah mengabaikan masa depan staf yang sedang berkhidmat. Perjumpaan berkala dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pendidikan sedang dijalankan bagi mencari kaedah terbaik dalam meningkatkan bilangan perjawatan tetap dan jawatan kenaikan pangkat.

Bagi isu disiplin dan tatatertib, kita diterapkan dengan nilai dan etika sebagai penjawat awam dan terikat dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2002. Perlu diingat kembali bahawa semasa melapor diri, kita telah membuat akujanji untuk menjalankan tugas dengan penuh integriti dan amanah. Namun sekiranya ada segelintir staf yang tidak akur dengan nilai dan etika yang ditetapkan, tindakan akan diambil selaras dengan garis panduan dan peraturan yang diterima pakai.

Dari aspek prestasi, pelaksanaan Dasar Pemisah (Exit Policy) bagi pegawai yang berprestasi rendah dalam perkhidmatan membolehkan penilaian staf yang mendapat markah prestasi kurang daripada 60% ditamatkan dan dibersarakan dalam perkhidmatan awam. Pelaksanaan Dasar Pemisah ini adalah bertujuan mewujudkan persekitaran perkhidmatan Universiti yang berprestasi tinggi, produktif dan berintegriti.

**7** UniMAP meletakkan harapan bergerak maju melalui UniMAP 2025 yang menjadi ruang kepada pertumbuhan di kalangan staf, pelajar, komuniti, industri dan juga Negara. Bagaimana pula dengan harapan Tuan Pendaftar terhadap kedudukan atau pencapaian Jabatan Pendaftar apabila tibanya di tahun 2025 nanti?

Jabatan Pendaftar saya lihat sebagai pemangkin kepada UniMAP 2025. Dalam memperkasakan akademik dan penyelidikan dan menyediakan siswazah yang siaga-industri, tulang belakang yang menggerakkan secara tidak langsung adalah para pentadbir. Demi mencapai matlamat strategik tersebut, Jabatan Pendaftar telah diamanahkan untuk mencemerlangkan bakat. Justeru, saya akan mengembleng segala sumber yang ada bagi mencapai objektif strategik yang digariskan iaitu:

- a) Memperkasakan kapasiti sumber manusia bagi memacu halatuju universiti;
- b) Memperkukuh tadbir urus ke aras ekosistem berteraskan inovasi;
- c) Membina kepimpinan transformasional yang diimanik.

Setiap pencapaian tidak boleh digapai hanya dengan peranan individu. Saya amat mengharapkan komitmen semua pentadbir untuk bersama-sama saya merealisasikan setiap pelan dan strategi yang telah digarapkan. Saya menyeru semua pentadbir agar mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan sesuai dengan bidang tugas masing-masing. Seorang pentadbir bukan lagi sekadar menerima arahan, malah harus berfikir untuk mengembangkan ilmu. Cetusan ilmu itulah yang menghasilkan inovasi dan kreativiti. Saya ingin melihat diakhirnya profesion pentadbir di universiti ini akan disegani dan dihormati sebaris dengan kakitangan akademik.